

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT BARANG KAWALAN BERJADUAL DAN PERMIT KHAS

1. OBJEKTIF

Garis Panduan ini bertujuan menerangkan prosedur permohonan baharu, pembaharuan, permohonan pindaan dan pembatalan Permit Barang Kawalan Berjadual dan Permit Khas.

2. DEFINISI

a. Permit Barang Kawalan Berjadual

Permit dikeluarkan ke atas mana-mana orang yang menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan, yang dalam penjalanan perdagangan atau perniagaan itu dia menggunakan atau mengambil mana-mana barang berjadual sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 seperti berikut:-

Jadual 1 : Barang Kawalan Berjadual Yang Perlu Memohon
Permit Barang Kawalan Berjadual

Bil.	Barang Kawalan Berjadual	Kuantiti
1.	Tepung Gandum	Melebihi 12 kg
2.	Gula	Melebihi 12 kg
3.	Minyak Masak	Melebihi 12kg
4.	Gas Petroleum Cecair	Melebihi 42 kg
5.	Semua gred petrol	Melebihi 20 liter
6.	Semua gred bahan api diesel	Melebihi 20 liter

b. Permit Khas

Permit yang dikeluarkan kepada syarikat berskala kecil, organisasi atau individu yang layak untuk membeli petrol dan diesel daripada stesen minyak untuk sesuatu kegunaan yang dibenarkan selain dari tujuan jualan semula mengikut kelayakan aktiviti seperti Kategori Kelayakan Permit Khas di Jadual 2.

c. Barang Kawalan Berjadual bagi permohonan Permit Khas

- i. Diesel melebihi 20 liter
- ii. Semua gred petrol melebihi 20 liter

Jadual 2 : Kategori Kelayakan Permit Khas.

BIL.	KEGUNAAN	KETERANGAN	HAD KUANTITI
1.	Forklift	Forklift yang digunakan di dalam gudang dan tidak dapat mengisi minyak di stesen minyak kerana tidak berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan	Tidak melebihi 50 liter sehari pembelian
2.	Pertanian dan Perniagaan	Petani, penternak, pesawah yang mengusahakan kebun, sawah dan penternakan serta mendapat surat pengesahan dari agensi yang berkaitan	Tidak melebihi 200 liter sehari pembelian
3.	Pengusaha Industri Makanan	Memproses makanan dan minuman	Tidak melebihi 100 liter sehari pembelian
4.	Penempatan Penduduk di Kawasan Pedalaman dan Pulau	Keperluan kediaman seperti rumah panjang atau keperluan menggerakkan peralatan dan perkakas untuk aktiviti harian penduduk di kawasan pedalaman dan pulau.	Tidak melebihi 500 liter seminggu pembelian

5.	Pengangkutan Air	<p>Pelancongan, pengangkutan persendirian dan sukan air</p>	<p>Tidak melebihi 100 liter sehari pembelian atau</p> <p>Tidak melebihi 200 liter/ sehari pembelian bagi lokasi aktiviti yang jarak perjalanan ke pemborong berlesen melebihi 30 km (pembelian hanya dibenarkan kepada petrol dan diesel tidak bersubsidi sahaja)</p>
6.	Rekreasi Air	<p>Pengangkutan persendirian, pelancongan dan sukan air berskala kecil</p>	<p>Tidak melebihi 50 liter sehari pembelian</p>
7.	Bantuan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Keperluan bantuan kecemasan jangka masa pendek seperti bantuan bencana alam, kawalan penyakit, bantuan keselamatan atau bantuan sesi pembelajaran yang disahkan oleh agensi berkaitan. • Permohonan tidak boleh diperbaharui. Jika ada keperluan, pemohon perlu memohon baharu. 	<p>Tidak melebihi 500 liter seminggu pembelian</p>

3. PUNCA KUASA

a. Punca Kuasa Keperluan Permit Barang Kawalan Berjadual

Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021

b. Punca Kuasa Keperluan Memohon Permit Khas

- i. Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021;
- ii. Syarat-Syarat Khas Lesen Barang Kawalan Berjadual (CSA) Runcit Bagi Bahan api Diesel dan Semua Gred Petrol Bagi Stesen Minyak di bawah Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, “*Pemegang Lesen Ini Tidak Dibenarkan Menjual Bahanapi Diesel dan Semua Gred Petrol Kecuali (i) Untuk Tangki Asal Kenderaan Berkenaan Atau Yang Diluluskan Oleh Agensi Berkaitan, dan (ii) Kepada Pengilang-Pengilang atau industri Yang Mendapat Surat Kuasa Yang Dikeluarkan Oleh Pengawal Bekalan Malaysia*”.

4. PEJABAT PEMPROSES DAN PENGELUAR PERMIT

- a. KPDN Negeri dan Daerah di mana alamat barang-barang kawalan tersebut disimpan atau digunakan.
- b. Seksyen Kawalan Bekalan, Ibu Pejabat atas keperluan tertentu.

5. TEMPOH PROSES PENGELUARAN PERMIT

- a. Permohonan Baharu - **5 hari bekerja** dari **tarikh permohonan disahkan lengkap**;
- b. Permohonan pembaharuan - **3 hari bekerja** dari **tarikh permohonan disahkan lengkap**;

6. TEMPOH SAH PERMIT

- a. **Permit Barang Kawalan Berjadual** - mengikut keperluan tetapi **tidak melebihi 36 bulan** dari tarikh permit dikeluarkan;
- b. **Permit Khas** - mengikut keperluan tetapi **tidak melebihi 12bulan** dari tarikh permit dikeluarkan.

7. PIHAK YANG DIKECUALIKAN PERMIT

Berdasarkan Perintah Kawalan Bekalan (Pengecualian) 1991 [P.U.(A) 399 pindaan 14 Oktober 2021], mana-mana orang yang dalam apa-apa perjalanan perdagangan atau perniagaan barang berjadual dikecualikan dari permit bagi kategori dan kegunaan barang kawalan berjadual seperti di Jadual 3 seperti berikut:-

Jadual 3 : Pihak Yang Dikecualikan Permit

Bil.	Barang Kawalan Berjadual	Pembekal	Kegunaan
1.	Semua gred petrol	Stesen Minyak	Mengisi tangki asal kenderaan bagi maksud menjalankan fungsi kenderaan itu
2.	Semua gred bahanapi diesel	Stesen Minyak	Mengisi tangki asal kenderaan bagi maksud menjalankan fungsi kenderaan itu
3.	Gula	Penjual Borong	Sebagai ramuan bagi makanan dan minuman yang disediakan oleh pengusaha hotel bagi maksud penyediaan di hotel itu.
4.	Tepung Gandum	Penjual Borong	Sebagai ramuan bagi makanan yang disediakan oleh pengusaha hotel bagi maksud penyajian di hotel itu.

8. SISTEM PERMOHONAN PERMIT

a. Permit Barang Kawalan Berjadual

Sistem **BLESS 2.0 (Business Licensing Electronic Support System)** dan boleh dijana melalui portal <https://bless2.bless.gov.my/bless2>

b. Permit Khas

Sistem Permit Khas boleh diakses melalui portal www.permitkhas.kpdn.gov.my

9. DOKUMEN SOKONGAN

a. Permohonan Baharu Permit Barang Kawalan Berjadual

- i. Surat pendaftaran perniagaan/syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)/ Perakuan Pendaftaran daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)/ pendaftaran dari agensi berkaitan;
- ii. Surat sokongan daripada pembekal;
- iii. Salinan Lesen Borong Pembekal (CSA) yang masih sah;
- iv. Surat Sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi permohonan Permit Barang Kawalan Berjadual Petroleum (diserahkan kepada pemohon); dan
- v. Kontrak Kerja (jika berkaitan)

b. Permohonan Pembaharuan Permit Barang Kawalan Berjadual

- i. Salinan Permit;
- ii. Surat sokongan daripada pembekal;
- iii. Salinan Lesen Borong Pembekal (CSA) yang masih sah.

c. Permohonan Pindaan Permit Barang Kawalan Berjadual

- i. Surat permohonan pindaan daripada pemohon;
- ii. Salinan Permit Barang Kawalan Berjadual yang telah diluluskan
- iii. Permohonan pindaan hanya dibenarkan bagi perkara seperti berikut:-
 - a) Jenis Barang Kawalan Berjadual
 - b) Deskripsi Barang Kawalan Berjadual
 - c) Kuantiti Barang Kawalan Berjadual; dan
 - d) Nama dan Alamat Pembekal.

e. Permohonan Baharu Permit Khas

Permohonan Individu

- i. Salinan kad pengenalan;
- ii. Surat sokongan dari agensi berkaitan;
- iii. Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (mengikut keperluan);
- iv. Surat kontrak kerja/ jadual kerja (jika berkaitan);
- v. Salinan dokumen pemilikan / penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja)
- vi. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertaniansahaja); dan
- vii. Salinan sijil pemilikan / penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan);
- viii. Surat Sokongan daripada stesen minyak yang dipilih.

Permohonan Syarikat

- i. Salinan kad pengenalan pemilik syarikat;
- ii. Salinan pendaftaran perniagaan / syarikat daripada SSM;
- iii. Salinan surat lantikan wakil syarikat;
- iv. Surat sokongan dari agensi berkaitan;
- v. Kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (mengikut keperluan)
- vi. Surat kontrak kerja/ jadual kerja;

- vii. Salinan dokumen pemilikan / penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja);
- viii. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertaniansahaja);
- ix. Salinan sijil pemilikan/penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan)
- x. Surat Sokongan daripada stesen minyak yang dipilih;

Permohonan Agensi Kerajaan

- i. Salinan kad pengenalan;
- ii. Surat lantikan wakil dari agensi berkaitan;
- iii. Surat kontrak kerja/ jadual kerja (jika berkaitan);
- iv. Salinan dokumen pemilikan / penyewaan jentera (untuk kategori pertanian sahaja)
- v. Salinan dokumen pemilikan tanah (untuk kategori pertaniansahaja); dan
- vi. Salinan sijil pemilikan / penyewaan kenderaan (untuk kegunaan jentera yang berkaitan)
- vii. Surat Sokongan daripada stesen minyak yang dipilih;

f. Permohonan Pembaharuan Permit Khas

- i. Salinan Permit Khas; dan
- ii. Rekod pembelian Barang Kawalan Berjadual;
- iii. Surat Sokongan daripada stesen minyak yang dipilih;

10. PEGAWAI PERHUBUNGAN PERMIT

- a. **Ibu Pejabat KPDN** : - Sub Unit Permit, Seksyen Kawalan Bekalan, Bahagian Penguat Kuasa seperti berikut:-

- i. Nombor telefon : 03-8882 6107 / 7050 / 6740
ii. e-mel : permit_bpgk@kpdn.gov.my

- b. **KPDN Negeri dan Daerah** : Unit Bekalan di talian seperti berikut:-

Bil	Negeri	No Telefon	Alamat Kumpulan E-mel Negeri
1	Johor	07-2271208	ukbhjohor@kpdn.gov.my
2	Melaka	06-2345121	ukb_melaka@kpdn.gov.my
3	Negeri Sembilan	06-6016501	ukb_seremban@kpdn.gov.my
4	WP Kuala Lumpur	03-40454555	wpkl.ukb@kpdn.gov.my
5	Selangor	03-55144307 03-55144309 03-55144318	permit_shahalam@kpdn.gov.my
6	Perak	05-241 4611	perak_ukb@kpdn.gov.my
7	Pulau Pinang	04-3840158	bekalan.pp@gmail.com
8	Kedah	04-7001745	bekalan_alorsetar@kpdn.gov.my
9	Perlis	04-9795000	ukbperlis@kpdn.gov.my
10	Kelantan	09-7416000	bekalankelantan@kpdn.gov.my
11	Terengganu	09-6204700 09-6204701 09-6204691	bekalankt@kpdn.gov.my bekalantrg@kpdn.gov.my
12	Pahang	09-5717777 09-5717778	ukbktn@kpdn.gov.my
13	Sabah	088-484503 088-484638	unitbekalan_kk@kpdn.gov.my
14	WP Labuan	088-423155	vivizahara@kpdn.gov.my
15	Sarawak	082-466012	ukb.kuching@kpdn.gov.my

Disediakan oleh:

Sub-Unit Permit,
Unit Kawalseliaan Komoditi Petroleum,Bahan Binaan, Analisa Bekalan dan Permit
Seksyen Kawalan Bekalan
Bahagian Penguat Kuasa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Kos Sara Hidup
Januari 2024